

29/04/2001

Fitnah anak: Dr M tidak boleh buat apa

Kadir Dikoh

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak boleh berbuat apa-apa jika ada pihak terus melemparkan fitnah mengenai pembabitan anaknya dalam perniagaan.

Perdana Menteri berkata, walau apa pun dilakukan anak keduanya, Datuk Mokhzani yang baru-baru ini mengumumkan pengunduran daripada dunia korporat, keluarganya terus ditohmah.

Malah katanya, sebelum ini pun beliau pernah meminta anaknya untuk menghentikan sebarang perniagaan yang ada kaitan dengan kerajaan tetapi semuanya bagaikan tidak kena bagi sesetengah orang termasuk pembangkang yang terus melempar pelbagai tohmahan.

"Apa saya nak buat... orang nak kata, kata juga. Kalau ambil anak saya taruh tengah laut pun, dia kata itu satu cara untuk nak dapat sokongan. Orang yang nak fitnah, akan fitnah juga," katanya dalam sidang akhbar sekembalinya dari lawatan rasmi dua hari ke Dubai di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai tohmahan terhadap Mokhzani, walaupun anaknya itu sudah mengumumkan pengunduran daripada dunia korporat, termasuk menerusi laman web dengan mendakwa tindakan itu masih gagal membersihkan nama Perdana Menteri.

"Tak apa lah... apa saya nak buat," katanya ketika diajukan soalan itu.

Khamis lalu, Mokhzani mengumumkan pengundurannya dari dunia korporat, termasuk menjual keseluruhan pegangannya dalam syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), terutama Pantai Holdings dan Tongkah Holdings.

Mokhzani yang juga Penolong Bendahari Pergerakan Pemuda Umno mempunyai 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Bagaimanapun, tokoh korporat itu berkata, tindakannya itu dibuat tanpa pengetahuan bapanya yang ketika itu baru tiba di Dubai untuk memulakan lawatan dua hari.

Ditanya sama ada beliau akan menyekat tindakan anaknya itu jika berpeluang berbuat demikian, Dr Mahathir berkata, beliau sudah mengarahkan supaya anaknya berhenti daripada sebarang perniagaan yang ada kaitan dengan kerajaan.

"Dia nak buat perniagaan dengan sektor swasta, takkan saya nak tahan dia pula. Jangan ada perniagaan dengan kerajaan sudah.

"Kadang-kadang apabila dia terbabit dengan pengambilalihan ke atau apa ke... syarikat yang dia ambil alih itu, mungkin syarikat yang terbabit sikit dengan kerajaan... yang itu tak boleh dielak," katanya.

Bagaimanapun katanya, beliau tidak tahu menahu mengenai tindakan Mokhzani berundur daripada dunia korporat sehingga diberitahu oleh wartawan Malaysia di Dubai dan pihak ketiga lain.

"Saya tidak tahu apa-apa mengenai ini. Saya diberitahu oleh media dan pihak lain. Saya tidak boleh berkata apa-apa mengenai perniagaan anak saya... itu urusan mereka, tidak ada kena mengena dengan saya," katanya.

Dalam reaksi pertamanya ketika ditanya wartawan Malaysia di Dubai malam semalam, Dr Mahathir berkata, beliau tidak campur tangan dengan keputusan anaknya itu.

Beliau berkata, Mokhzani ada juga mendapat projek kerajaan termasuk hospital, tetapi kelulusan projek itu tidak melaluinya.

"Sudah menjadi dasar kerajaan dalam sesuatu mesyuarat Kabinet, jika ada

keluarga menteri termasuk saya sendiri terbabit dalam sesuatu projek, orang itu mesti keluar mesyuarat. Saya juga pernah keluar beberapa kali," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan tindakan Mokhzani ada kaitan dengan teguran pembangkang di Dewan Rakyat baru-baru ini mengenai pembabitannya dalam projek di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Kemunting Corporation Berhad (KCB) mendapat projek Pusat Pameran dan Persidangan Negara (NECC) yang sedang dibina di kawasan bekas lapangan terbang itu tetapi Mokhzani tidak ada kepentingan dalam KCB, tetapi ada syarikat lain di bawah syarikatnya mempunyai cuma 0.2 peratus kepentingan dalam KCB.

(END)